



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
04 JUN 2019 (SELASA)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Tengku Permaisuri Selangor dikurniakan Datuk Paduka Setia
MUKA SURAT	3



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH mengurniakan Darjah Kebesaran Datuk Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) kepada Tengku Permaisuri Norashikin (kanan) dalam majlis di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, Selangor semalam. - BERNAMA

Tengku Permaisuri Selangor dikurnia Datuk Paduka Setia

SHAH ALAM 3 Jun - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menganugerahkan Darjah Kebesaran Datuk Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) (Kelas Pertama) yang membawa gelaran Datin Paduka Setia kepada Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Acara menganugerahkan darjah kebesaran berkenaan dijalankan dalam satu istiadat yang diadakan di Istana Bukit Kayangan, di sini hari ini.

Dalam istiadat yang sama, baginda juga berkenan menyampaikan watikah pelantikan Bentara Raja kepada anggota kerabat diraja Selangor, Tengku Ezrique Ezzuddean Tengku

Ardy Esfandiani Alhaj.

Turut berangkat ke istiadat berkenaan adalah Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Turut hadir, kerabat-kerabat diraja Selangor dan Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin turut berkenan menyampaikan watikah pelantikan sebagai Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Selangor kepada Datuk Mohd. Radzi Abd. Latif dan Datuk Jasri Nasip Mat Jakir.

Pelantikan Mohd. Radzi, 53, dan Jasri Nasip, 57, yang berkuatkuasa pada 9 Mei lepas dibuat selaras dengan Subseksyen 57 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Turut menerima watikah pelantikan daripada Sultan Sharafuddin adalah tiga Hakim Mahkamah Rendah Syariah Selangor iaitu Nadiah Khamis, 43, Mohd. Faizal Habib, 36, dan Muhammad Mujahid Ahmad, 43, yang berkuat kuasa pada tarikh sama.

Selain itu dalam istiadat berkenaan juga enam Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Selangor serta tujuh Penolong Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk negeri juga menerima watikah pelantikan daripada Sultan Sharafuddin yang berkuat kuasa pada 9 Mei lepas. - BERNAMA u 3



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	155,410 akaun pengguna terjejas
MUKA SURAT	19

155,410 akaun pengguna terjejas

Paip air pecah di Setia Alam jejas pengguna kawasan Klang, Kuala Langat

NUR FARHANA ABDUL MANAN

KLANG

Kira-kira 155,410 akaun pengguna air di sekitar Klang dan Kuala Langat akan terjejas secara berperingkat berikutan paip pecah di jajaran paip utama di Setia Alam semalam.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan

Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, penutupan bekalan dilaksanakan pihaknya bagi pelaksanaan kerja kecemasan pembaikan paip utama berukuran 1,800 milimeter.

"Kami ingin maklumat berlaku insiden paip pecah pagi tadi (semalam) yang menyebabkan pengguna di kawasan Klang dan Kuala Langat akan terjejas secara berperingkat. Status terkini akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

"Pihak kami sedang membuat persiapan bagi menggerakkan bantuan lori-lori tangki air ke kawasan terjejas dan mengaktifkan Pusat Khidmat Setempat (PKS) pada jam



Kira-kira 155,410 akaun pengguna air di sekitar Klang dan Kuala Langat bekal terjejas berikut kejadian paip pecah di Setia Alam semalam.

3 petang hari ini (semalam)," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, pihaknya memohon maaf atas kesulitan dialami pengguna

berikut insiden tidak dijangka.

Katanya, pihaknya akan

info

Penutupan bekalan air akan dilaksanakan bagi kerja kecemasan baik pulih paip pecah

mengambil segala usaha dan tindakan perlu bagi mempercepatkan kerja pembaikan dan meminimakan impak gangguan.

"Pengguna boleh merujuk maklumat di laman sesawang www.syabas.com.my dan aplikasi telefon bimbit Air Selangor serta Facebook Air Selangor bagi mendapatkan maklumat dari semasa ke semasa," katanya. **S19**



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Air Selangor gerak lori tangki ke kawasan terjejas
MUKA SURAT	19

Air Selangor gerak lori tangki ke kawasan terjejas

SHAH ALAM

- Pengurusan Air Selangor (Air Selangor) akan menggerakkan lori-lori tangki ke kawasan terjejas susulan kejadian paip utama pecah di Setia Alam.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan &

Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, lori tangki terlibat akan ditempatkan di lima Pusat Khidmat Setempat (PKS) yang diaktifkan bermula jam 3 petang semalam.

Beliau berkata, buat masa ini, injap di sistem utama telah ditutup bagi memberi laluan kepada kerja-kerja baik pulih paip pecah itu.



ABDUL RAOF

“Lokasi PKS adalah di Parklands City People’s Park - Taman Rekreasi Jalan Delima, Bandar Sultan Sulaiman - Masjid As Saadah, Masjid Umairah- Kg Perepat, Aeon Big Batu Belah dan Kawasan C, Jalan Waja Teluk Panglima Garang,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Abdul Raof berkata, lokasi pili awam juga telah diaktifkan di Persiaran Astana, Bandar Bukit Raja, Jalan Persiaran Selangor, Seksyen 15 dan Masjid Ar Rahimah Sri Andalas untuk pengguna mendapatkan bekalan air.

5 19



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Sultan Selangor kurnia darjah kebesaran, serah watikah pelantikan panel hakim syariah
MUKA SURAT	19

Sultan Selangor kurnia darjah kebesaran, serah watikah pelantikan panel hakim syariah

SHAH ALAM - Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Datuk Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) kepada Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin.

Pengurnian SSIS yang membawa gelaran Datin Paduka Setia itu diadakan dalam satu istiadat yang berlangsung di Istana Bukit Kayangan semalam.

Pada istiadat sama, baginda berkenan melantik kerabat diraja Selangor, Tengku Ezrique Ez-zuddean Tengku Ardy Esfandiarri Alhaj sebagai Bentara Raja.

Dalam istiadat sama, baginda berkenan menyerahkan watikah pelantikan dua Hakim Syarie sebagai Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Selangor kepada Datuk Mohd Radzi Abd Latif, 53, dan Datuk Jasri @ Nasip Mat Jakir, 57.

Pelantikannya berkuatkuasa 9 Mei depan, dibuat selaras de-



Sultan Selangor menyerahkan watikah pelantikan Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Selangor kepada Jasri di Istana Bukit Kayangan semalam.

ngan Subseksyen 57 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Turut berangkat pada istiadat itu Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah bersama Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari serta barisan Exco Selangor.

Sultan Sharafuddin turut menyampaikan watikah pelantikan

kepada tiga Hakim Mahkamah Syariah iaitu Nadiah Khamis, 43, Mohd Faizal Habib, 36, dan Muhammad Mujahid Ahmad, 33, berkuatkuasa tarikh sama.

Turut menerima watikah pelantikan ialah enam Penolong Pandaftar Mahkamah Rendah Syariah dan tujuh Penolong Pandaftar Nikah Cerai Rujuk. **S 19**



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MPK sukar pantau kilang plastik haram
MUKA SURAT	20

SENTRAL

HUBUNGI SKUAD SENTRAL NUR FARHANA AB

MPK sukar pantau kilang plastik haram

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) berdepan kesukaran memantau kilang kitar semula plastik haram yang beroperasi di daerah ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han berkata, ia berikutan kekangan kakitangan untuk melaksanakan pemantauan ke atas kilang-kilang terbadit sepanjang tempoh 24 jam.

"Memang susah (untuk pantau) kerana masih banyak kilang

haram lain perlu dipantau. Bukan sahaja bukan di Teluk Gong tapi Pulau Indah, Meru dan sebagainya kerana kawasan pentadbiran MPK ini besar.

"Malah ada kilang yang telah disita akan meneruskan operasi pada waktu malam pula sehingga menimbulkan aduan penduduk setempat.

"Disebabkan itulah kaedah pemotongan bekalan air dan elektrik dilihat amat bersesuaian dalam mengawal isu kilang haram ini," katanya selepas operasi bersepadu kilang kitar semula plastik di sekitar Teluk Gong semalam.

Sze Han berkata, pihak-

nya juga akan mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Tenaga dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) selepas ini bagi memohon bantuan pihak terlibat mempercepatkan proses pemotongan bekalan di premis terlibat.

Sementara itu, Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) juga akan membawa kes kilang plastik haram ini ke mahkamah bagi tujuan pendakwaan terhadap pemilik premis terbabit.

Beliau berkata agensi terlibat mempunyai kuasa untuk mendakwa pihak berkaitan di mahkamah atas kesalahan alam sekitar dan sebagainya.

"Sasaran kita adalah untuk pastikan semua kilang-kilang plastik haram di Selangor ini akan ditutup menjelang Julai depan," katanya.

S 20



Tindakan pemotongan bekalan air turut dikenakan terhadap premis kilang haram yang beroperasi di sekitar Teluk Gong.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Terminal bas baharu selesa
MUKA SURAT	24

24

SELASA 4 JUN 2019 • SINAR HARIAN

SENTRAL

HUBUNGI SKUAD SENTRAL NUR FARHANA ABDUL MANAN - 019-6680275, NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN 019-9882895, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIRON - 019-6680261

Terminal bas baharu selesa

Pengguna puji Terminal Bas Seksyen 17 namun masih perlu ditambahbaik

MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Rata-rata pengguna meminta pengendali Terminal Bas di Seksyen 17 iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) meningkatkan lagi perkhidmatan sedia ada di terminal tersebut untuk kemudahan mereka pada masa hadapan.

Biarpun mempunyai fasiliti yang cantik dan terbaik namun terdapat beberapa perkara perlu penambahbaikan antaranya aspek tiket, ruangan parkir dan beberapa kemudahan lain.

Pengguna, Mohd Firdaus Che Razak, 24, berkata, apa yang perlu diperbaiki adalah sistem tiket yang sedia ada.

"Kalau ikutkan selalunya selepas beli tiket secara atas talian sampai di sini tak perlu lagi ke kaunter tapi sebaliknya. Itu yang jadi masalah dan sepatutnya sediakan sahaja sistem kod bar yang mana lebih memudahkan dan selesa kepada pengguna."

"Walau bagaimanapun, keadaan di terminal ini jauh lebih selesa berbanding Terminal Bas Seksyen 13 dahulu. Ruang menunggu selesa dan tandasnya pun bersih," katanya kepada

Sinar Harian.

Bagi Nashitah Abdul Ghani, 29, pula, dia mahu kemudahan parkir terminal baharu itu diperbaikkan untuk kemudahan dan keselesaan pengguna.

"Kalau lihat parkir memang tak banyak dan parkir sedia ada pula tidak berbumbung, jadi kalau naik tinggal kereta atau motosikal tu agak risau juga."

"Ini kali kedua saya datang di Terminal Bas Seksyen 17 ini, perkhidmatan Grab memang payah nak dapat, saya pun tak tahu kenapa, kalau dulu masa di Seksyen 13 mudah saja," katanya.

Pastikan pengurusan, operasi lancar

Caj RM1 yang dikenakan terhadap pengguna bagi setiap cetakan tiket bas melalui pembelian dalam talian di Terminal Bas Seksyen 17 bertujuan memastikan pengurusan dan operasi terminal berjalan lancar serta sistematis.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan berkata, pihaknya menggunakan sistem pengurusan terminal (TMS) bagi mengawal keluar dan masuk bas di terminal.

"Ini adalah sebuah rangkaian satuan supaya kita tahu siapa yang menukarkan bas dan berapa penumpang yang naik bas serta jika ada berlaku apa-apa kemalangan atau insiden di luar dugaan, kita tahu berapa penumpang yang naik di terminal ini."

"Kalau diikutkan sistem ini diguna pakai di semua terminal di Malaysia dan MBSA adalah satu-satunya pihak berkusa tempatan yang menyediakan kemudahan itu."



"Di Terminal Bersepadu Setia misalnya, ia diuruskan syarikat dilantik kerajaan tetapi di sini kita uruskan dengan mengguna pakai kos sendiri," katanya baru-baru ini.

Mengulas sama ada caj dikutip itu bagi menampung kos seluruh penambahan terminal berkenaan, Mohd Rashidi berkata, pihaknya perlu menanggung sejumlah RM87,000 setiap bulan selepas menolak hasil yang diterima daripada kos operasi terbabit.

"Kita berharap pengguna bersabar kerana kita mahu meningkatkan kemudahan yang ada," katanya.



Kaunter tiket di Terminal Bas Seksyen 17 yang luas dan selesa.



Ruang legar dan ruang menunggu yang selesa dan bersih antara kelebihan Terminal Bas Seksyen 17.



MOHD FIRDAUS



Pengguna meminta supaya perkhidmatan sedia ada di Terminal Bas di Seksyen 17 diperbaikkan lagi demi kemudahan di masa hadapan.



Perjalanan trafik sekitar terminal juga lancar ketika tinjauan Sinar Harian semalam.

Bina kawasan parkir

SEBUAH bangunan bertingkat yang memuatkan 300 parkir akan dibina berhampiran Terminal Seksyen 17 di sini penghujung tahun ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Selangor, Ng Sze Han berkata, beberapa penambahbaikan juga perlu dilakukan di terminal itu.

"Kita menerima makluman berhubung jumlah parkir yang tidak mencukupi. Saya difahamkan oleh MBSA bahawa akan ada penambahan 300 gerai di sebuah bangunan parkir bertingkat.

"Pada masa sama akan ada juga penambahan 30 gerai di kawasan terminal. Untuk makluman kita ada permohonan 400 gerai dan ini menunjukkan ramaikan yang dengan kemampuan dan sambutan pengguna di terminal ini," katanya.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Sasar lebih 10,000 pengunjung
MUKA SURAT	33

SINAR HARIAN • SELASA 4 JUN 2019

33

KUALA SELANGOR. TANJONG KARANG

HUBUNGI SKUAD KUALA SELANGOR: ARZIANA MOHMAD AZAMAN - 019-6680950 / 019 6680275

Sasar lebih 10,000 pengunjung

Pusat pelancongan terkenal dibuka seperti biasa pada hari raya

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR

Majlis Daerah Kuala Selangor menyasarkan tambahan lebih 10,000 pengunjung dari dalam dan luar negara ke daerah ini sepanjang musim cuti perayaan Aidilfitri.

Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor, Azman Dahlan berkata, justeru dua pusat pelancongan terkenal akan dibuka seperti biasa pada hari raya pertama dan kedua.

Menurutnya, inisiatif itu susulan rekod kedatangan pelancong meningkat sepanjang cuti perayaan.

"Merujuk rekod terdahulu



Azman (kiri) menyampaikan beg cenderamata kepada pengguna jalan raya sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya Daerah Kuala Selangor 2019 kelmarin.

peningkatan hampir 50 peratus kedatangan pelancong ketika cuti panjang dan musim perayaan.

"Pada masa sama, kita mahu mempromosikan Sky Mirror dan Blue Tears Kuala Selangor yang menjadi produk terkini di daerah ini," katanya selepas menyampaikan beg cenderamata kepada

pengguna jalan raya sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya Daerah Kuala Selangor 2019 kelmarin.

Azman memberitahu, usaha berkenaan juga sebagai pra promosi Tahun Melawat Malaysia 2020 sekali gus memperkenalkan Kuala Selangor sebagai satu des-

tinasi pilihan.

Azman berkata, kemudahan trem ke pusat pelancongan Bukit Melawati akan dibuka seperti biasa esok dan hari raya pertama bermula jam 2 petang sehingga 6.30 petang.

"Bagi hari raya kedua pula, kemudahan trem akan dibuka

info

BUKA PADA HARI RAYA

- Sky Mirror
- Blue Tears Kuala Selangor
- Santuari Kelip-Kelip
- Kampung Kuantan

bermula jam 9 pagi sehingga jam 6.30 petang," katanya.

Azman juga memaklumkan, Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan akan beroperasi seperti biasa kepada pengunjung bermula jam 7.30 malam hingga jam 10.30 malam dengan menyediakan perkhidmatan pendayung.

"Kita menggalakkan kedatangan orang ramai yang pulang berhari raya singgah di Bukit Melawati dan Kampung Kuantan," katanya.

Beliau turut menjangkakan keindahan Pantai Remis turut menjadi antara destinasi pilihan pelancong dalam dan luar negeri sepanjang musim cuti perayaan.

S33



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Tingkat prestasi perkhidmatan awam
MUKA SURAT	34

Tingkat prestasi perkhidmatan awam



Suee Lim (berdiri dua dari kanan) dan Muslimin (berdiri, kanan) bergambar bersama penjawat awam pada Program Berbuka Puasa bersama Ketua-Ketua Jabatan Daerah Sabak Bernam di D' Muara Sungai Haji Dorani kelmarin.

SEKINCHAN - Prestasi perkhidmatan agensi kerajaan negeri di daerah Sabak Bernam berada pada tahap baik manakala agensi persekutuan di daerah itu pula sederhana baik.

ADUN Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, prestasi kerajaan negeri menunjukkan peningkatan ketara sejak PH mengambil alih kerajaan negeri.

Bagaimanapun katanya, masih terdapat ruang untuk agensi di bawah kerajaan negeri meningkatkan kualiti perkhidmatan pada tahap lebih cemerlang.

"Setakat ini prestasi kerja kerajaan negeri di daerah ini mencapai markah baik tetapi belum memperoleh prestasi terbaik," katanya pada Program Berbuka Puasa Bersama Ketua-Ketua Jabatan Daerah Sabak Bernam di D' Muara Sungai Haji Dorani di sini

kelmarin.

Suee Lim berkata, lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan kualiti kerja penjawat awam di peringkat Persekutuan.

Beliau memberitahu, penjawat awam perlu meningkatkan prestasi kerja masing-masing dan mengikis budaya kerja sambil lewa.

"Mereka yang baru bekerja mungkin ada banyak idea tetapi apabila terlalu lama berada pada satu tempat mereka tidak memantapkan diri hingga satu peringkat tiada perasaan untuk bekerja.

"Ada ramai kakitangan kerajaan mungkin sudah lama berada di sebuah agensi sehingga semangat meningkatkan diri ketika bekerja berku-rangan," katanya.

Justeru, Suee Lim mencadangkan

pertemuan bersama ketua-ketua jabatan di daerah itu dilaksanakan bagi mencari kaedah terbaik dalam usaha membaiki kualiti perkhidmatan.

"Saya dan Ahli Parlimen Sungai Besar, Muslimin Yahaya sentiasa memberi nasihat dan pendapat kepada kakitangan kerajaan supaya mereka dapat meningkatkan prestasi kerja.

"Rakyat menaruh harapan kepada kita bukan sahaja di peringkat negeri malah Persekutuan kerana terdapat banyak kelemahan yang perlu diperbaiki," katanya.

Menurutnya, agensi kerajaan perlu memahami budaya kerja kerajaan baharu dan memberikan sokongan berterusan kepada pentadbiran PH.

"Tanpa sokongan agensi kerajaan kita hendak laksanakan dasar amat sukar," katanya. **S34**



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Tunggu air kering
MUKA SURAT	40



KERJA mengepam air dilakukan bagi mengetahui punca paip pecah di Setia Alam.

Tunggu air kering

■ Punca paip pecah diketahui selepas kerja pengeringan

Faliq Lajim
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Punca kejadian paip pecah yang berlaku di Setia Alam di sini, semalam sehingga beberapa kawasan di daerah Klang dan Kuala Langat mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual akan diketahui selepas limpahan air di kawasan terabit dikeringkan.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhid-

matan Air Negara (SPAN), Charles Anthony Santiago berkata, Air Selangor sedang bertungkus-lumus melakukan kerja pengeringan dengan mengorek tanah.

Menurutnya, kejadian itu menyebabkan seramai 155,500 pemegang akaun terjejas.

Katanya, beliau amat khuatir dengan kejadian itu berikutan Aidilfitri bakal menjelang esok, sekali gus boleh mendatangkan keimbangan penduduk yang terjejas.

Oleh itu, Air Selangor bekerja 24 jam bertungkus-lumus dan meng-

gunakan kapasiti sedia ada supaya air boleh disalurkan kepada penduduk.

“Saya juga mengarahkan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Pejabat Daerah dan Tanah untuk bersiap sedia bagi membantu menghantar bekalan air terutama di kawasan rumah kos rendah dan pangsapuri.

“Kami berharap masalah ini tidak akan menjadikan sambutan hari raya,” katanya kepada pemberita ketika membuat lawatan di tapak kejadian di Setia Alam, di sini.

HM 40



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Tutup kilang plastik haram bulan depan
MUKA SURAT	41

Tutup kilang plastik haram bulan depan

Pelabuhan Klang: Kerajaan Selangor menyasarkan semua kilang kitar semula sisa plastik haram yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Telok Gong, di sini, akan ditutup pada bulan depan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy Sian berkata, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga akan mengheret semua yang melakukan tindakan tidak bertanggungjawab itu ke muka pengadilan.

"Hari ini (semalam) kita bawa JAS dan mereka menyita semua mesin memproses plastik ini. JAS akan membawa semua ini ke mahkamah berikutan mereka ada kuasa untuk mendakwa pemilik tanah.

"JAS juga akan memaklumkan kepada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berikutan terdapat sisà plastik dibuang ke dalam sungai.

"Semua kilang ini beroperasi pada waktu malam. Penduduk membuat aduan di mana mereka dengar bunyi sangat kuat serta bau busuk," katanya ketika ditemui dalam operasi bersepadu kilang kitar semula sisa plastik haram di sekitar Telok Gong di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru negeri, Ng Sze Han, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri dan Pengarah Jabatan Perlesenan MPK, Azhar Samsudin.

Difahamkan, sekurang-kurangnya 31 kilang kitar semula sisa plastik haram masih beroperasi di sekitar Kawasan Perindustrian Telok Gong, di sini.

Sementara itu, Ng berkata, polisi kerajaan negeri jelas apabila tidak membenarkan kilang proses sisà plastik terus beroperasi.

Hm 41



AKHBAR	KOSMO!
TAJUK BERITA	Mungkin raya tanpa bekalan air
MUKA SURAT	14

155,000 pemilik akaun di Klang, Kuala Langat terjejas kerana paip pecah

Mungkin raya tanpa bekalan air

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM — Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi kira-kira 155,000 akaun berdaftar syari-kat bekalan air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) berkemungkinan suram susulan bakal berhadapan gangguan bekalan air tidak berjadual bermula semalam.

Ini melibatkan masing-masing 84 dan sembilan taman perumahan di Klang dan di Kuala Langat akibat paip pecah di jajaran paip utama di Setia Alam di sini.

Gangguan air tersebut kali kedua dialami penduduk Klang dalam tem-



CHARLES
SANTIAGO

poh sebulan apabila tiga paip utama pecah berham-piran projek pembinaan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) Banting-Taiping pada 5 Mei lalu.

Pengerusi Su-ruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Anthony Santiago berkata, pihak Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) mengesan kejadian paip pecah tersebut pada pukul 8 pagi sebelum bekalan air paip itu ditutup pukul 10 pagi.

Katanya, penutupan itu bagi memudahkan kerja-kerja mengenal pasti punca dan pembaikan paip.

"Saya difahamkan, bekalan air masih dis-



KEADAAN paip yang pecah di Setia Alam hingga menyebabkan penduduk di Klang dan Kuala Langat, Selangor terputus bekalan air semalam.

alurkan oleh Air Selangor ke kawasan perumahan terjejas namun dalam te-kanan yang rendah," ka-

tanya pada sidang akhbar di lokasi kejadian di sini semalam.

Turut hadir Ketua

Pegawai Eksekutif SPAN, Datuk Ahmad Faizal Abdul Rahman dan Ketua Jabatan Perhubungan Pelan-ggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor, Abdul Raof Ahmad.

Menurutnya, Air Selangor juga telah mengaktif-kan empat Pusat Khidmat Setempat (PKS) di Klang dan satu di Kuala Langat bermula pukul 3 petang semalam.

"Kita tahu satu atau dua hari lagi, penduduk be-ragama Islam akan merayakan Hari Raya Aidilfitri.

"Sekiranya, masalah ini tidak diselesaikan dengan kadar segera mungkin akan membangkitkan perasaan marah dan segala usaha bagi tujuan pembai-kan sedang giat dilaksana-kan," katanya.

Sementara itu, Abdul

Raof melalui satu kenyataan memberitahu, kerja-kerja pembaikan sudah dimulakan.

"Kita sasarkan untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut sebelum pukul 12 tengah hari esok (hari ini) sekiranya tiada isu kritis di tapak semasa kerja-kerja pembaikan dilaksanakan.

"Bekalan akan dibuka sejurus kerja-kerja pem- baikan siap dilaksanakan dan pemulihan bekalan adalah secara berperingkat serta bergantung kepada lokasi dan altitud premis," katanya.

Jelasnya, sebarang maklumat boleh dirujuk di laman sesawang www.syabas.com.my dan aplikasi telefon bimbit Air Selangor serta Facebook Air Selangor.



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	Tengku Permaisuri of Selangor conferred award
MUKA SURAT	6

Tengku Permaisuri of Selangor conferred award

SHAH ALAM: The Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, has conferred the Datuk Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) (First Class) award, which carries the title Datin Paduka Setia, on his consort, the Tengku Permaisuri of Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

His Royal Highness presented the award at a ceremony at Istana Bukit Kayangan here yesterday.

The Sultan also presented the instrument of appointment of Bentara Raja to a member of the Selangor royal household, Tengku Ezrique Ezzuddeen Tengku Ardy Esfandiari Alhaj.

The Raja Muda of Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah, was present at the ceremony.

Also present were members of the Selangor royalty and Selangor Mentri Besar Amirudin Shari.

At the same function, Sultan Sharafuddin presented the instruments of appointment of Selangor Syariah Appeals Court judge to Datuk Mohd Radzi Abd Latif, 53, and Datuk Jasri Nasip Mat Jakir, 57.

This is in accordance with subsection 57(1) of the Administration of



Special day:
Sultan Sharafuddin conferring the Datuk Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah award on Tengku Permaisuri Norashikin (right), which carries the title 'Datin Paduka Setia', at a ceremony at Istana Bukit Kayangan in Shah Alam.
— Bernama

the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003, effective May 9 this year.

The Sultan also presented the instruments of appointment of Selangor Syariah Subordinate Court

judge to Nadiah Khamis, 43, Mohd Faizal Habib, 36, and Muhammad Mujahid Ahmad, 43, also effective May 9.

Tuanku then presented the instruments of appointment of

Selangor Syariah Subordinate Court assistant registrar to six people and Selangor Marriage, Divorce and Revocation assistant registrar to seven people, also effective May 9.
— Bernama **TS 6**



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	Single – use plastic banned in S'gor govt depts
MUKA SURAT	6

Single-use plastic banned in S'gor govt depts

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

KLANG: All Selangor government departments and agencies are prohibited from using single-use plastic starting from July 1.

State Environment, Green Technology, Consumer and Non-Islamic Affairs Committee chairman Hee Loy Sian said the move was to promote a healthy and clean environment, as well as counter contamination issues arising from single-use plastic.

"It is also in line with the state government's efforts to reduce the usage of single-use plastic, especially plastic bags and polystyrene," Hee said in a statement.

He said the ruling was also in

tandem with the Federal Government's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030 that was launched last year.

Hee said although the directive applied to state government departments and agencies, others were encouraged to follow suit.

"We encourage the private sector, schools, places of worship, non-governmental organisations and others to participate in this campaign voluntarily. It is our hope this campaign can be implemented in all places involving Selangor residents so that it can achieve its aim to reduce and eradicate the use of single-use plastic," said Hee.

Under the directive, all Selangor government departments, agencies and state-linked companies will

stop using single-use plastic water bottles, plates, cups, cutlery, drinking straws and plastic cling wrap to cover plates and saucers.

Substitutes such as glass water bottles, jugs and water dispensers, as well as reusable food coverings will be used instead.

Hee added that state government staff and the public were encouraged to bring their own reusable containers, cutlery and straws.

"They should also use woven bags or reusable bags when buying food from the cafeteria.

"We will initiate strategies and efforts to promote this campaign through various communication platforms, especially social media, as well as prepare promotional infographics and videos to make it a success," he said.

Selangor Pertubuhan Pelindungan Khazanah Alam Malaysia chairman Damien Thanam Divean said they welcomed the move.

"In fact, it should have been implemented earlier," he said, while urging the state government to extend the directive to include the private sector.

Kuala Langat Environmental Action Association secretary Pua Lay Peng described the move as "timely".

"The state civil servants will be a good role model to kick-start the campaign for others to follow suit.

"But it must be followed with enforcement to ensure the directive is adhered to," she said.

TSG



AKHBAR	New Straits Times
TAJUK BERITA	150,000 taps run dry
MUKA SURAT	12

NewStraitsTimes . TUESDAY, JUNE 4, 2019 •

12

NEWS / Nation

WATER DISRUPTION

150,000 TAPS RUN DRY

Supply to Klang, Kuala Langat to be restored today following burst pipe in Setia Alam

DAWN CHAN
SHAH ALAM
news@nst.com.my

TAPS went dry in 84 areas in Klang and nine areas in Kuala Langat yesterday following a burst pipe in Setia Alam.

The disruption, caused by a burst 1,800mm pipe, affected water supply to 150,000 accounts in Kuala Langat and Klang.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) said emergency repair works were expected to be completed by noon today.

Air Selangor Customer Rela-

tionship and Communication head Abdul Raof Ahmad said repair works were being expedited.

"We estimate repair works to be completed by noon tomorrow (today) should there be no critical issues on site."

"Supply restoration will begin as soon as repair works are completed. Restoration will vary in stages, according to the location and altitude of premises."

"We are carrying out repair works round the clock to restore supply and minimise interruption."

Air Selangor shut water supply to 150,000 accounts in Kuala Lan-



Repair works being carried out on a burst pipe in Setia Alam, Shah Alam, yesterday. BERNAMA PIC

gat and Klang for repair works after the discovery of the burst pipe at 8am.

Affected areas in Klang include Ambang Botanik, Jalan Kem, Bandar Sultan Suleiman Industrial Area, Perdana Industrial Park, Armada Putera, Jalan Limbungan, Bukit Raja Selatan Industrial Area, Bandar Bestari, Jalan Syahbandar, Perepat, Bandar Botanik, Johan Setia, Semesta, Bandar Bukit Tinggi 1, Kampung Kastam, Sungai Putus, Bandar Bukit Tinggi 2, Kampung Pulau Indah, Jalan Goh Hock Huat, Bandar Klang (Batu 1 up to 3, Jalan Meru), Kampung Raja Uda,

Sungai Sireh, Bandar Parkland, and Kampung Telok Gong.

Affected areas in Kuala Langat include Batu 9 Kebun Baru, Eco Sanctuary, Jalan Sijangkang Utama, Kampung Medan, Sijangkang Batu 7 to Batu 9, Taman Perwira, Taman Seri Medan, Taman Sijangkang Jaya and Tropicana Aman.

Raof said water tankers would be mobilised and five service centres would be activated, in addition to three public water taps, to help those affected.

The service centres in Klang are the Parklands City People's Park in Taman Rekreasi, Jalan Delima

8; Masjid As Saadah in Bandar Sultan Suleiman, Lebuh Sultan Abd Samad, Port Klang; Masjid Umairah in Kampung Perepat; and, Aeon Big Batu Belah in Jalan Kapar.

In Kuala Langat, the centres are at Kawasan C in Jalan Waja, Teluk Panglima Garang.

Public taps are in Persiaran Astana, Bandar Bukit Raja; Jalan Persiaran Selangor in Section 26; and, Masjid Ar Rahimah Sri Andalas (in front of Tengku Ampuan Rahimah Hospital).

Log on to www.syabas.com.my or the Air Selangor app for updates. **NST 12**